

25/07/2002

BN Johor diarah perhebat gerak kerja

Ahmad Ghazali Musa

JOHOR BAHRU, Rabu - Seluruh jentera Barisan Nasional (BN) negeri diajak memperhebatkan gerak kerja supaya parti komponen terbesar negara itu mendapat mandat baru rakyat menjelang pilihan raya umum akan datang.

Pengerusi BN Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata BN negeri sudah merangka agenda kerja yang perlu dilaksanakan secara bersama oleh semua parti komponen di peringkat bahagian.

Justeru, katanya, kegiatan yang dicadangkan untuk dimulakan sejak sebulan lalu, perlu membabitkan semua parti komponen bagi memastikan penyertaan merata di peringkat akar umbi.

"Sekadar menyebut beberapa contoh, kegiatan seperti gotong-royong di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN), pertandingan sukan termasuk sukan rakyat, ceramah dan dialog bersama parti komponen, hendaklah menarik seberapa banyak penyertaan pelbagai kaum.

"Agenda kerja BN ini juga boleh diterjemahkan menerusi kegiatan yang dijalankan Jawatankuasa Penggerak Mukim-Mukim (JPMM) yang dipengerusikan sendiri Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun). Ia hendaklah membabitkan penyertaan parti komponen BN.

"Semua kegiatan itu adalah agenda kerja yang perlu dilaksanakan secara berterusan. Saya percaya kegiatan itu akan memastikan kerjasama erat di antara parti komponen di peringkat akar umbi.

"Malah, lebih daripada itu, ia mendekatkan kita dengan rakyat dan menjadi mesra rakyat," katanya dalam ucapan dasar bertajuk Keunggulan Perkongsian Bangsa Malaysia sempena Konvensyen BN Johor di Hotel Eden, di sini, petang ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual menutup rasmi konvensyen BN Johor di Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), esok.

Abdul Ghani yang juga Menteri Besar Johor berkata, agenda kerja itu penting bagi kegiatan parti, selain sentiasa mempunyai rekod baik sebagai kerajaan yang sedia dinilai rakyat.

"Apa yang penting ialah ahli kita kekal bersatu dan menentang pembangkang dengan satu nada satu suara.

"BN Johor tidak pernah berdepan masalah dalaman dan kita akan menghadapi pilihan raya umum dengan penuh yakin," katanya.

Selain itu, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor itu berkata, kedatangan pilihan raya umum kali ini amat bermakna kerana rakyat akan menyaksikan peralihan kuasa dalam kepimpinan Umno.

Katanya, jika pilihan raya umum diadakan sebelum November tahun depan, rakyat boleh menjangkakan Dr Mahathir akan mengetuai misi ini buat kali terakhir.

"Dr Mahathir sudah mengatakan apabila beliau meninggalkan kita, beliau mahu meninggalkan BN yang kuat, berpadu, dan cemerlang. Jadi sebagai hadiah persaraannya, marilah kita menumpukan perhatian membantunya memenuhi impian itu.

"Marilah kita memastikan pilihan raya umum akan datang, sebagai pilihan raya terbaik untuk BN," katanya sambil meminta jentera BN memastikan semua rakyat Johor menjadi ahli parti.

Berdasarkan rekod Perikatan dan BN, selepas menempuh 10 pilihan raya umum sejak merdeka, bermula pada 1959, parti berkenaan hanya sekali kehilangan satu kerusi Parlimen kepada pembangkang, iaitu di Kluang pada 1978.

Di peringkat DUN, rekod BN Johor amat memberangsangkan. Daripada 364 kerusi dipertandingkan sejak 1959, Perikatan dan BN memenangi 354 kerusi, iaitu 97.25 peratus. Pada pilihan raya 1995 dan 1999, BN Johor menyapu bersih semua kerusi Parlimen dan DUN.